



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK

SIRI 1





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PENDAHULUAN	3
JABATAN PERHUTANAN NEGERI Pengurusan Hutan Lipur	3
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI Pengurusan Projek Tebatan Banjir	22
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.	33
PENUTUP	47



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (Pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perak.

2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk di bentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau

bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
28 Februari 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI

- Pengurusan Hutan Lipur

1.1. Jabatan Perhutanan Negeri Perak (Jabatan) ditubuhkan pada tahun 1905 bertanggungjawab memastikan pembangunan hutan dan pengekalan hutan semula jadi terpelihara. Keluasan kawasan berhutan di Negeri Perak adalah seluas 1.03 juta hektar atau 49.1% daripada keluasan negeri iaitu 2.10 juta hektar. Objektif penubuhan hutan lipur adalah untuk mengekalkan sejumlah kawasan hutan asli yang mencukupi dalam Hutan Simpan Kekal sebagai tempat rekreasi dan ekopelancongan serta memupuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan dan alam sekitarnya. Negeri Perak mempunyai 16 hutan lipur yang telah dimajukan secara berperingkat oleh Jabatan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM3.45 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pengurusan hutan lipur dan ekopelancongan daripada peruntukan Pembangunan dan sejumlah RM3.40 juta dari peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hutan lipur adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kemudahan yang dibina terbiar dan tidak digunakan.
- Kemudahan asas yang penting tidak disediakan.
- Pengurusan penyenggaraan kemudahan dan infrastruktur serta pembersihan kawasan kurang memuaskan.
- Perkhidmatan Renjer Taman tidak diwujudkan.

1.3. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan hutan lipur, Jabatan Perhutanan Negeri Perak disyorkan mengambil tindakan berikut:

1.3.1. Memastikan kemudahan-kemudahan di hutan lipur terpelihara, di senggara serta dibaiki dengan sempurna bagi menjamin keselamatan pengunjung.

1.3.2. Memastikan kemudahan dan infrastruktur asas disediakan secukupnya.

1.3.3. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja pembersihan hutan lipur.

2. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI

- Pengurusan Projek Tebatan Banjir

2.1. Projek Tebatan Banjir (PTB) ialah pembinaan infrastruktur penampungan, kawalan dan pengalihan aliran lebih air untuk mencegah serta meminimumkan bencana banjir. Daerah Hilir Perak dan Kerian merupakan kawasan yang sering mengalami banjir dan banjir kilat akibat daripada hujan berterusan atau pun air pasang. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Perak dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia adalah Agensi pelaksana projek tersebut. Secara amnya, Daerah Hilir Perak dan Kerian mempunyai 19 kawasan sering dilanda banjir. Taburan hujan tahunan bagi Daerah Hilir Perak adalah sekitar 1,810 mm dan Daerah Kerian 2,025 mm.

2.2. Pada tahun 2010 hingga tahun 2012, JPS Daerah Hilir Perak telah memperuntukkan sejumlah RM1.06 juta bagi kerja-kerja PTB melalui 15 sebut harga dan 2 kontrak berjumlah RM5.63 juta. Bagi tahun 2010 hingga tahun 2011, semua kerja sebut harga telah dapat dilaksanakan dengan perbelanjaan melebihi 95% manakala satu kerja kontrak bernilai RM3.53 juta masih dalam pelaksanaan di mana tarikh siap kontrak pada 7 Ogos 2012.

2.3. Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kerian telah memperuntukkan sejumlah RM1.15 juta pada tahun 2010 hingga 2012 bagi kerja-kerja PTB melalui 9 sebut harga dan 2 kontrak berjumlah RM7.13 juta. Bagi tahun 2010 hingga tahun 2011, semua kerja sebut harga dan kontrak telah dapat dilaksanakan mengikut jadual dengan perbelanjaan melebihi 95%.

2.4. Kajian terhadap Pengurusan Projek Tebatan Banjir pernah dijalankan dan di laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2005. Pada tahun 2012, kajian yang sama dijalankan untuk menilai semula sejauh mana keberkesanan pengurusan tebatan banjir diurus secara berterusan.

2.5. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati pada keseluruhannya perolehan kerja, prestasi kewangan dan prestasi kerja bagi kerja-kerja PTB Daerah Hilir Perak dan Kerian adalah baik kecuali 2 projek lewat disiapkan dan kualiti kerja dan penyelenggaraan adalah kurang memuaskan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

- Cerun ban curam dan terhakis.
- Ban mendap dan kurang mampat.
- Rizab sungai belum diwartakan dan di ceroboh.

2.6. Bagi menambah baik pengurusan projek tebatan banjir, adalah disyorkan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri mengambil langkah-langkah seperti berikut:

2.6.1. Melaksanakan kajian tanah di jajaran ban yang akan dibina supaya reka bentuk yang sesuai dapat dibuat di kawasan yang mempunyai masalah mendapan.

2.6.2. Membuat pemeriksaan berkala terhadap ban-ban yang telah dibina bagi memastikan ban dalam keadaan mampat dan utuh.

2.6.3. Menyegerakan pewartaan rizab sungai.

3. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

- Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.

3.1. Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. (Syarikat) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 4 Disember 1997 di bawah Akta Syarikat 1965. Kegiatan utama Syarikat adalah untuk membantu pembangunan sektor ekonomi negeri menerusi penggalakan pelaburan dan penerokaan bidang-bidang baru. Sehingga akhir tahun 2011, Syarikat beroperasi dengan modal saham dibenarkan RM25 juta dan modal saham berbayar RM2.

3.2. Pengeauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus syarikat adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Syarikat subsidiari mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berjumlah RM8.59 juta.
- Yuran pengurusan syarikat subsidiari tidak diterima secara tetap.
- Pencerobohan setingan ke atas Lot-lot tanah di estet perindustrian.
- *Standard Operating Procedure* belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Pengurusan aset kurang memuaskan.

3.3. Bagi memastikan objektif penubuhan Syarikat tercapai dan menjaga kepentingan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) sebagai pemegang saham, syor-syor berikut perlu dipertimbangkan oleh Syarikat Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.:

3.3.1. Menilai dan mengkaji kedudukan Syarikat Subsidiari terutama yang tidak aktif kerana tidak berupaya membayar yuran pengurusan Syarikat.

3.3.2. Memastikan SOP Syarikat diluluskan oleh Lembaga Pengarah.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 1 tahun 2013, sebanyak 2 aktiviti dan satu pengurusan syarikat yang telah diaudit akan dilaporkan dalam Laporan ini. Tiga aktiviti tersebut adalah Pengurusan Hutan Lipur, Pengurusan Projek Tebatan Banjir serta pengurusan syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Negeri Perak iaitu Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan dalam Laporan ini.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

2. PENGURUSAN HUTAN LIPUR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Perhutanan Negeri Perak (Jabatan) ditubuhkan pada tahun 1905 bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan hutan dan pengekalan hutan semula jadi terpelihara. Keluasan kawasan berhutan di Negeri Perak adalah seluas 1.03 juta hektar atau 49.1% daripada keluasan negeri iaitu 2.10 juta hektar. Objektif penubuhan hutan lipur ini adalah untuk mengekalkan kawasan hutan asli yang mencukupi dalam Hutan Simpan Kekal sebagai tempat rekreasi dan ekopelancongan serta memupuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan dan alam sekitarnya.

2.1.2. Pengurusan hutan lipur yang terancang dan efektif dapat menjamin fungsi penubuhan sesuatu hutan lipur dikekalkan, dipelihara dan diterima oleh pengguna dan masyarakat. Negeri Perak mempunyai 16 hutan lipur yang telah dimajukan secara berperingkat oleh Jabatan. Hutan Lipur tersebut ialah Hutan Lipur Pulau Tali Kail, Hutan Lipur Lata Kekabu, Hutan Lipur Ulu Kenas, Taman Rimba Kledang Saiong, Hutan Lipur Ulu Kinta, Hutan Lipur Papan, Hutan Lipur Sungai Salu, Taman Eko-Rimba Lata Kinjang, Hutan Lipur Lata Iskandar, Hutan Lipur Kuala Woh, Hutan Lipur Kaki Bukit Larut, Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Matang (Hutan Lipur Kuala Sepetang), Hutan Lipur Sungai Nyior, Hutan Lipur Ulu Licin, Hutan Lipur Pasir Panjang dan Hutan Lipur Pulau Pangkor. Antara pembangunan yang dilaksanakan ialah menyediakan kemudahan asas yang mencukupi untuk keselesaan pengunjung termasuk kemudahan aktiviti rekreasi di kawasan hutan lipur. Lokasi 16 hutan lipur di Negeri Perak adalah seperti di **Peta 2.1**.

Peta 2.1
Lokasi 16 Hutan Lipur Di Negeri Perak



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

2.1.3. Kajian terhadap pengurusan hutan lipur pernah dijalankan dan di lapor dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2006. Dalam kajian yang lepas, 9 hutan lipur telah dilawati dan diaudit yang terdiri daripada Hutan Lipur Kuala Sepetang, Hutan Lipur Pulau Tali Kail, Hutan Lipur Kuala Woh, Hutan Lipur Lata Iskandar, Hutan Lipur Papan, Hutan Lipur Sungai Salu, Hutan Lipur Ulu Kenas, Hutan Lipur Kaki Bukit Larut dan Hutan Lipur Lata Kekabu. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh Jabatan. Antara kelemahan yang dilaporkan ialah peruntukan tidak diagih secara seimbang menyebabkan ada hutan lipur yang tidak mempunyai peruntukan untuk penyenggaraan, kemudahan dan peralatan yang disediakan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengunjung, kemudahan asas tidak disediakan, penyenggaraan dan pembaikan infrastruktur termasuk pembersihan kawasan hutan lipur tidak sempurna dilakukan, pelupusan aset yang rosak tidak dibuat serta pemantauan yang kurang berkesan.

2.1.4. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.45 juta bagi tujuan pengurusan hutan lipur dan ekopelancongan melalui peruntukan Pembangunan dan sejumlah RM3.40 juta dari peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada pengurusan hutan lipur telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan hutan lipur bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Semakan Audit dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Pejabat Hutan Daerah iaitu Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan, Kinta, Manjung dan Larut Matang. Lawatan ke hutan lipur yang terpilih iaitu Hutan Lipur Kuala Woh (HLKW), Pulau Pangkor (HLPP), Ulu Licin (HLUL) dan Sungai Nyior (HLSN) turut dilakukan. Pemilihan kawasan tersebut antaranya berdasarkan kepada kemudahan yang disediakan, aktiviti penyenggaraan dan kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan serta hutan lipur yang menjadi tumpuan utama pengunjung. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod kewangan, laporan serta dokumen berkaitan. Temu bual dengan pegawai terlibat diadakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hutan lipur adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kemudahan yang dibina terbiar dan tidak digunakan.
- Kemudahan asas yang penting tidak disediakan.
- Pengurusan penyenggaraan kemudahan dan infrastruktur serta pembersihan kawasan kurang memuaskan.
- Perkhidmatan Renjer Taman tidak diwujudkan.

2.4.1. Pengurusan Kemudahan Rekreasi

Pengurusan kemudahan rekreasi meliputi pembinaan dan penyenggaraan kemudahan asas di hutan lipur. Ia bertujuan memberi keselesaan dan kepuasan kepada pengguna. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

2.4.1.1. Kemudahan Yang Dibina Terbiar Tidak Digunakan

- a. Lawatan Audit ke Hutan Lipur Pulau Pangkor (HLPP) pada bulan Julai dan Oktober 2012 mendapati kemudahan seperti tandas, dewan terbuka dan gerai makan telah terbiar dan kurang digunakan sejak siap dibina antara tahun 2006 hingga 2011. Berdasarkan rekod Jabatan, sebanyak 3 kursus/program yang telah dianjurkan oleh Jabatan di HLPP melibatkan 100 orang peserta antara tempoh tahun 2010 hingga 2011.

- b. Selain itu, terdapat 2 tandas telah dijadikan stor untuk menyimpan barang-barang rosak. Pihak Audit dimaklumkan keadaan ini berlaku adalah disebabkan tiada pengunjung yang datang berkhemah di Hutan Lipur Pulau Pangkor. Keadaan kemudahan tersebut semasa lawatan Audit adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.5**. Kos pembangunan kemudahan tersebut adalah berjumlah RM0.53 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Infrastruktur Yang Dibina Di HLPP

Bil.	Jenis Infrastruktur	Kuantiti (Unit)	Tarikh Siap Dibina	Kos (RM)
1.	Chalet	3	2006	198,900
		3	2007	191,500
2.	Tandas dan Bilik Mandi	1	2007	31,800
		4	2012	4,500
3.	Dewan Terbuka	1	2007	98,000
4.	Tapak Perkhemahan	20	2008	8,100
5.	Dewan Makan	1	2011	TM
Jumlah				532,800

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri


Nota: TM - Tiada Maklumat



Gambar 2.1
Gerai Makan Atau Kantin


Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 10 Oktober 2012

Gambar 2.2
Dewan Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.3
Dewan Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.4
Kemudahan Tandas Dan Bilik Mandi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.5
Tandas Yang Dijadikan Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

- c. Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Disember 2012, Hutan Lipur Pulau Pangkor pada umumnya dibangunkan dan digunakan oleh Jabatan sahaja. Pembangunan Hutan Lipur Pulau Pangkor dilakukan untuk mengekalkan status Hutan Simpanan Kekal di mana lokasi Hutan Lipur Pulau Pangkor adalah strategik. Hutan Lipur Pulau Pangkor digunakan khusus oleh kakitangan Jabatan terutamanya dalam menjayakan program seperti kursus-kursus dan juga Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Pulau Pangkor. Jabatan juga telah mengambil tindakan membersihkan tandas dan bilik mandi berkenaan.

2.4.1.2. Kemudahan Asas Tidak Disediakan

Perkara 5.2(ii) dalam Manual Perhutanan menyatakan pembangunan hutan lipur yang baik dan sistematik hendaklah mengambil kira beberapa aspek penting antaranya seperti jalan masuk, papan tanda arah dan sebagainya. Manakala perkara 8.3(vi) berhubung perkhidmatan pengguna juga menyatakan pentingnya disediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian mengikut tema pembangunan sesuatu hutan lipur bagi melambangkan identiti hutan lipur berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kemudahan Untuk Sampai Ke Hutan Lipur Pulau Pangkor Tidak Disediakan

- i. Pemeriksaan Audit mendapati untuk sampai ke Hutan Lipur Pulau Pangkor (HLPP) adalah dengan melalui jalan laut dan jalan darat. Walaupun jalan laut menjadi pilihan utama namun tiada kemudahan jeti disediakan oleh Jabatan untuk mendaratkan bot di pantai. Pengunjung perlu menggunakan jeti Teluk Dalam yang terletak lebih kurang 1.5 km ke HLPP dan terpaksa berjalan kaki ke hutan lipur tersebut. Manakala jalan darat dari Jeti Teluk Dalam ke HLPP siap dibina pada bulan Ogos 2012 tetapi belum diturap dengan tar. Lawatan Audit berikutnya pada bulan Oktober 2012 mendapati jalan darat telah siap diturap. Ketiadaan kemudahan-kemudahan tersebut menyukarkan pengunjung ke HLPP

kerana tiada pengangkutan teksi disediakan di Teluk Dalam. Keadaan sekitar HLPP adalah seperti **Gambar 2.6** hingga **Gambar 2.9**.

Gambar 2.6
Jalan Laut Sebagai Jalan Utama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.7
Teluk Dalam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 10 Oktober 2012

Gambar 2.8
Jalan Darat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.9
Jalan Darat Berturap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 10 Oktober 2012

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 21 Januari 2013, Jabatan belum berhasrat untuk memajukan HLPP secara komprehensif dan dibuka kepada pengunjung luar kerana faktor peruntukan, kemudahan dan kekurangan kakitangan. Kemudahan jeti tiada dalam perancangan Jabatan kerana memerlukan kos yang agak tinggi selain memerlukan kelulusan daripada Jabatan Taman Laut dan Jabatan Perikanan. Pihak Jabatan telah berbincang bersama pihak Syarikat yang mengurus HLPP berkenaan isu kemudahan untuk sampai ke HLPP. Pihak Syarikat akan menyediakan van kepada pengunjung yang membuat tempahan menginap di hutan lipur ini. Pihak Syarikat juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan Jeti Teluk Dalam berhubung kemudahan pengangkutan ke kawasan hutan lipur.**

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap HLPP adalah kurang memuaskan kerana beberapa kemudahan yang dibina dengan kos melebihi RM0.53 juta telah terbiar dan kurang digunakan.

b. Tiada Kemudahan Jalan Masuk

- i. Jalan masuk asal ke Hutan Lipur Sungai Nyior (HLSN) adalah melalui kawasan ladang kelapa sawit milik persendirian. Lawatan Audit pada 30 Julai 2012 mendapati, jalan masuk asal telah ditutup dengan palang besi serta dipenuhi dengan semak dan rumput yang panjang. Pihak Audit dimaklumkan, jalan tersebut telah ditutup oleh pihak pengurusan ladang sejak 3 tahun yang lalu kerana bimbang akan keselamatan ladang dan untuk mengelak berlakunya kecurian buah sawit. Sebagai alternatif, jalan masuk lain dibuka kepada pengunjung hutan lipur iaitu melalui pintu masuk utama ke ladang berkenaan. Bagaimanapun, untuk melalui kawasan ladang tersebut, pengunjung dikehendaki meninggalkan kad pengenalan di pondok pengawal keselamatan. Ketiadaan jalan masuk yang bersesuaian menyebabkan HLSN kurang mendapat sambutan pengunjung. Selain itu, pihak Audit juga ada melayari laman sesawang The Trishaw/Beca Man yang turut menyatakan kesukaran untuk mengunjungi HLSN kerana perlu melalui kawasan estet. Keadaan jalan masuk ke HLSN adalah seperti di **Gambar 2.10** dan **Gambar 2.11**.

Gambar 2.10
Jalan Masuk Asal Yang Telah Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Sungai Nyior
Tarikh: 30 Julai 2012

Gambar 2.11
Jalan Masuk Ke HLSN Melalui Pintu Masuk Utama Ladang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Sungai Nyior
Tarikh: 30 Julai 2012

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 21 Januari 2013, Jabatan tidak dapat mengambil tindakan yang berkesan kerana ladang kelapa sawit berkenaan adalah tanah milik persendirian yang diberikan selepas Hutan Lipur Sungai Nyior (HLSN) dibangunkan. Pihak Jabatan mengambil maklum dan mengambil langkah mengusulkan perkara ini di mesyuarat bersama pemilik tanah pada bulan Februari 2013 sebelum ianya diangkat untuk tindakan peringkat daerah.**

c. Tiada Bekalan Tenaga Elektrik

- i. Sejak mula dibangunkan pada tahun 2006, Hutan Lipur Pulau Pangkor tidak mempunyai bekalan tenaga elektrik dan ia hanya mula disediakan pada bulan Jun 2012. Sebelum adanya bekalan elektrik, kemudahan jana kuasa (*generator*) digunakan seperti di **Gambar 2.12**.



Gambar 2.12
Generator

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

- ii. Lawatan Audit pada bulan Julai 2012 mendapati berlaku gangguan bekalan elektrik di HLPP. Pada masa yang sama kemudahan jana kuasa (*generator*) yang disediakan juga telah rosak. Lawatan susulan Audit berikutnya pada bulan Oktober 2012 mendapati meter utama bacaan bagi penggunaan elektrik seperti di **Gambar 2.13** terletak 1 km daripada kawasan HLPP dan ia terdedah kepada perbuatan tidak bertanggungjawab. Ketiadaan bekalan elektrik di HLPP menyebabkan peralatan yang mengguna elektrik seperti pam air, lampu dan kipas angin tidak dapat digunakan. Berdasarkan rekod Jabatan, pada tahun 2011 HLPP ada menerima peruntukan berjumlah RM183,690 untuk kerja-kerja penyenggaraan elektrik dan mekanikal. Bagaimanapun, masalah bekalan elektrik masih berlaku di HLPP. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 21 Januari 2013, pihak Jabatan menjelaskan bahawa bekalan tenaga elektrik hanya dapat disediakan oleh Syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) selepas 6 bulan permohonan dikemukakan. Daripada penghujung tahun 2011 hingga bulan Jun 2012, pihak Jabatan perlu menunggu kelulusan TNB bagi penyambungan bekalan elektrik ke HLPP. Manakala pemeriksaan Jabatan terhadap *generator* mendapati ia tidak rosak, hanya perlu mengganti bateri dan tindakan telah pun diambil. Setelah elektrik dapat disambungkan ke HLPP, berlaku litar pintas beberapa kali yang menyebabkan HLPP tidak mempunyai bekalan elektrik.**



Gambar 2.13
Meter Bacaan Penggunaan Elektrik

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 10 Oktober 2012

Pada pendapat Audit, perancangan di peringkat awal terhadap pembangunan sesuatu hutan lipur perlu merangkumi keperluan kemudahan asas bagi memberi kemudahan kepada pengunjungnya.

2.4.1.3. Penyenggaraan Hutan Lipur

Bagi memastikan kawasan hutan lipur sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa kepada pengunjung, Jabatan telah menetapkan kerja-kerja penyenggaraan dengan kekerapan tertentu selaras dengan kehendak Manual Perhutanan. Jenis dan kekerapan penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Jenis Dan Kekerapan Penyenggaraan Hutan Lipur

Bil.	Jenis Penyenggaraan	Kekerapan
1.	a) Cucian Tandas Dan Kutipan Sampah Sekitar Tempat Duduk Dan Pondok Rehat. b) Bancian Dan Pengawasan Ke Atas Pengunjung.	Harian
2.	a) Kutipan Sampah Sekitar Chalet, Surau Dan Tempat Letak Kereta. b) Semakan Ke Atas Bekalan Elektrik, Air Dan Telefon. c) Pungutan Dan Pemindahan Sampah Keluar Kawasan Hutan Lipur. d) Mengemas Dewan Dan Surau.	Mingguan
3.	a) Kutipan Sampah Di Tapak Perkhemahan, Sepanjang Tebing Sungai Dan Sepanjang Laluan Trek. b) Pokok Bunga Dan Hiasan, Bancian Kerosakan/Baiki Kerosakan Kecil Infrastruktur Dan Laporan Kepada Pegawai Hutan Daerah.	Bulanan

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

a. Pembersihan Kawasan Persekitaran Hutan Lipur Tidak Dilaksanakan

- i. Lawatan Audit pada bulan Julai 2012 ke HLUL, HLKW, HLPP dan HLSN mendapati kawasan persekitaran di 4 hutan lipur tersebut adalah kurang memuaskan. Sebagai contoh pokok tumbang tidak dialihkan, tapak perkhemahan dipenuhi daun kering, kotor dengan sampah sarap serta tidak terurus seperti di **Gambar 2.14** hingga **Gambar 2.17**.

Gambar 2.14
Pokok Tumbang
Tidak Dialihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kuala Woh
Tarikh: 2 Julai 2012

Gambar 2.15
Tapak Perkhemahan
Dipenuhi Daun Kering



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.16
Kawasan Persekitaran Kotor
Dan Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Ulu Licin
Tarikh: 5 Julai 2012

Gambar 2.17
Longgokan Peralatan
Tandas Dan Pintu Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Sungai Nyior
Tarikh: 30 Julai 2012

- ii. Daripada 4 hutan lipur, hanya HLKW yang mempunyai kontrak pembersihan manakala 3 lagi hutan lipur pembersihan dilakukan sendiri oleh kakitangan Jabatan. Pemantauan terhadap kerja-kerja pembersihan kawasan persekitaran yang mempunyai kontrak pembersihan dibuat oleh Unit Hutan Lipur Jabatan. Bagi hutan lipur yang pembersihannya dilakukan sendiri, pemantauan dibuat oleh Pejabat Renjer Daerah. Semakan Audit mendapati pihak Jabatan ada melakukan pemantauan terhadap kerja-kerja pembersihan di HLKW selain menyediakan laporan bulanan. Namun bagi pemantauan yang dilakukan oleh Pejabat Renjer Daerah di HLPP, HLUL dan HLSN tiada laporan pemantauan disediakan.
- iii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Disember 2012, jadual kerja bagi kebersihan disediakan di setiap hutan lipur dan dipantau oleh Renjer Hutan Daerah yang terlibat. Selanjutnya, berdasarkan maklum balas bertarikh 21 Januari 2013, pihak Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:**

- Penyenggaraan ada dibuat tetapi pada tempoh masa lama kerana kekurangan kakitangan dan peruntukan.
- Mengarahkan kontraktor untuk melakukan pembersihan di HLKW, memantau kerja-kerja pembersihan yang dilakukan dan mengeluarkan surat amaran kepada kontraktor berkenaan pada 30 Oktober 2012.
- Mengeluarkan sebut harga perkhidmatan pembersihan kawasan persekitaran bagi HLUL yang bermula pada bulan September 2012 hingga Disember 2013.
- Menempatkan 2 kakitangan bagi memantau dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan HLPP selain menyediakan 5 unit tong sampah untuk kegunaan pengunjung. Jabatan juga telah melantik sebuah Syarikat bagi mengurus dan menyenggara HLPP.
- Membekalkan tong sampah serta melaksanakan gotong royong pembersihan di kawasan HLSN yang terlibat.
- Pihak Jabatan juga akan melantik penduduk yang berdaftar di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk bekerja di hutan-hutan lipur yang dikenal pasti dengan bayaran gaji harian. Mereka akan melakukan aktiviti membersihkan kawasan hutan lipur dan dengan gaji yang diterima dapat membantu mereka keluar dari kemiskinan.

b. Kemudahan yang Disediakan Tidak Disenggarakan

- i. Lawatan Audit ke HLKW dan HLPP mendapati kemudahan chalet yang disediakan tidak disenggarakan dengan baik menyebabkan dinding chalet reput diserang anai-anai, kunci pintu rosak dan longkang di sekitar rumah pam air dipenuhi dengan daun kering sehingga menyukarkan air untuk mengalir. Kemudahan yang tidak disenggarakan dan rosak adalah seperti di **Gambar 2.18** hingga **Gambar 2.23**.

Gambar 2.18
Kunci Pintu Chalet Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kuala Woh
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 2.19
Dinding Chalet Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kuala Woh
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 2.20
Kemudahan Chalet



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.21
Bahagian Kayu Di Chalet Yang Diserang Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.22
Rumah Pam Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

Gambar 2.23
Kolam Takungan Air Berlumut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Pulau Pangkor
Tarikh: 4 Julai 2012

- ii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Disember 2012, Jabatan menjelaskan bahawa penyenggaraan terhadap rumah pam air ada

dilakukan tetapi pada tempoh masa yang panjang kerana faktor kekurangan kakitangan dan peruntukan. Pihak Jabatan juga telah mengambil tindakan membersihkan rumah pam air dan persekitarannya. Jabatan menjelaskan bahawa rawatan anai-anai yang dijalankan pada bulan Disember 2011 adalah ke atas keseluruhan chalet dan Syarikat yang melakukan rawatan memberi jaminan selama 2 tahun. Selepas mendapat teguran Audit, pada 4 Disember 2012, Syarikat berkenaan membuat rawatan susulan dan hasil pemeriksaan Jabatan selepas itu mendapati tiada lagi serangan anai-anai.

c. Kerosakan Kemudahan Tidak Dibaiki

- i. Lawatan Audit ke 3 hutan lipur iaitu HLUL, HLKW dan HLSN pada bulan Julai dan September 2012 mendapati beberapa kemudahan untuk pengunjung seperti pondok rehat, surau, tempat wuduk dan bilik persalinan rosak dan tidak dibaiki. Lawatan semula pada 17 Disember 2012, siling Dewan Terbuka telah dibaiki. Keadaan kemudahan yang rosak adalah seperti di **Gambar 2.24** hingga **Gambar 2.27**.

Gambar 2.24
Kepala Paip Tempat Wuduk Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Sungai Nyior
Tarikh: 30 Julai 2012

Gambar 2.25
Lantai Papan Pondok Rehat Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Ulu Licin
Tarikh: 5 Julai 2012

Gambar 2.26
Siling Rosak Di Dewan Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kuala Woh
Tarikh: 2 Julai 2012

Gambar 2.27
Siling Di Dewan Terbuka Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Lipur Kuala Woh
Tarikh: 17 Disember 2012

- ii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Disember 2012, pihak Jabatan telah mengambil tindakan dengan memasukkan perancangan penyenggaraan kemudahan dalam peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada tahun 2013. Pihak Jabatan juga telah melakukan pemeriksaan menyeluruh terhadap kerosakan kemudahan di hutan lipur dan dalam proses melakukan pembaikan.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kemudahan dan pembersihan kawasan persekitaran di kawasan hutan lipur adalah kurang memuaskan.

2.4.1.4. Prestasi Hasil Sewaan

- a. Pada tahun 2010, Jabatan mengenakan caj bagi kemudahan yang disediakan berdasarkan kadar yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2003. Kadar tersebut kemudiannya telah dipinda melalui Warta Kerajaan bertarikh 25 November 2010 yang dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2011. Jenis kemudahan dan kadar sewa yang dikenakan adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Kadar Sewa Kemudahan Di Hutan Lipur

Bil.	Jenis Kemudahan	Kadar Sewa (RM)
1.	Chalet - Kelas A hingga D	20.00-80.00 sehari
	Kelas E - Asrama	10.00 satu katil
2.	Padang	200.00 sehari
	Kantin	200.00 sebulan
3.	Kios	50.00 sebulan
	Warung	5.00 sehari
	Petak	3.00 sehari
4.	Tandas	0.20 seorang
5.	Tapak Khemah	2.00-5.00 satu tapak
6.	Dewan	200.00 sehari
7.	Penggambaran Komersial	200.00 sehari
8.	Padang Bola	50.00 sehari
9.	Gelanggang Permainan	5.00 sejam
10.	Bayaran Masuk	
	Dewasa	1.00 seorang
	Kanak-kanak (12 tahun ke bawah)	0.50 seorang
11.	Perkhidmatan Perhutanan	Akan ditetapkan secara berasingan mengikut kes
12.	Tempat Letak Kenderaan	2.00 satu kenderaan

Sumber: Warta Kerajaan Pk.P.U.48

- b. Semakan Audit terhadap 4 hutan lipur mendapati hanya HLKW yang membuat kutipan hasil sewaan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 bagi kemudahan yang disediakan. Kutipan hasil yang diterima oleh HLKW bagi tempoh tersebut berjumlah RM83,399. Manakala HLPP, HLUL dan HLSN tidak membuat kutipan hasil sewaan. Hutan Lipur Kuala Woh dapat membuat kutipan disebabkan bilangan pengunjung yang ramai dan kemudahan yang disediakan lebih banyak berbanding 3 lagi hutan lipur. Kutipan hasil yang dikutip adalah terdiri daripada bayaran sewa chalet, tapak

khemah, dewan, kantin, tandas awam, padang, bayaran penggambaran dan iklan televisyen.

- c. **Berdasarkan maklum balas JPNP bertarikh 21 Januari 2013, berasaskan kepada konsep “Willingness To Pay” oleh masyarakat terhadap hutan lipur, pihak Jabatan berpandangan bahawa 5 hutan lipur iaitu Hutan Lipur Kuala Woh, Ulu Kenas, Taman Eko-Rimba Lata Kinjang, Pulau Tali Kail dan Pusat Eko-Pelajaran Paya Laut Matang yang sesuai untuk dibuat kutipan wang masuk bagi peringkat permulaan. Berdasarkan analisis, jumlah anggaran kutipan masuk dan parkir kenderaan tidak mencukupi untuk menanggung kos penyenggaraan hutan lipur.**

Pada pendapat Audit, sekiranya Jabatan menguatkuasakan kutipan hasil sewaan terhadap kemudahan di 3 hutan lipur, hasil yang dikutip dapat menampung sebahagian kos penyenggaraan kemudahan di hutan lipur tersebut.

2.4.1.5. Pengurusan Perkhidmatan Pengguna

Berdasarkan kepada Manual Perhutanan, perkhidmatan pengguna perlu diberi keutamaan oleh Jabatan. Perkhidmatan pengguna yang disediakan mestilah selamat, mesra pengguna dan menepati kehendak pengunjung. Lawatan Audit ke HLKW, HLSN, HLPP dan HLUL mendapati perkara berikut:

a. Perkhidmatan Renjer Taman Tidak Diwujudkan

- i. Perkhidmatan Renjer Taman adalah bagi tujuan memberi penerangan kepada pengunjung serta bertindak sebagai penyelaras dalam semua aktiviti rekreasi di hutan lipur. Semakan Audit mendapati perkhidmatan Renjer Taman masih tidak diwujudkan di 4 hutan lipur yang dilawati. Kepentingan mengenai perkara ini pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2006. Pada ketika ini, tugas Renjer Taman dijalankan oleh Pengawas Hutan (Gred G14/11) dan Pekerja Awam Khas (Gred R3) selain daripada menjalankan tugas hakiki yang ditetapkan. Pihak Audit dimaklumkan, kakitangan Jabatan tidak ditugaskan secara khusus untuk menjaga hutan lipur sebaliknya mengikut keperluan kecuali bagi HLKW satu unit khas hutan lipur telah diwujudkan. Semakan Audit selanjutnya terhadap nisbah beban kerja yang perlu ditanggung oleh seorang kakitangan hutan lipur berbanding keluasan kawasan hutan lipur bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.4**

Jadual 2.4

**Bilangan Kakitangan Awam Berbanding Keluasan Kawasan Hutan Lipur
Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Hutan Lipur	Keluasan Kawasan Hutan Lipur (Hektar)	Bilangan Kakitangan Hutan Lipur	Nisbah
1.	Kuala Woh	245	6	1:40.8
2.	Sungai Nyior	10	2	1:0.2
3.	Pulau Pangkor	10	2	1:0.2
4.	Ulu Licin	30	2	1:07

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah

- ii. Analisis Audit mendapati perbezaan beban kerja yang ketara antara 4 hutan lipur iaitu seorang pegawai/kakitangan perlu menguruskan kawasan seluas 0.2 hingga 40.8 hektar. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 21 Januari 2013, penstrukturan organisasi Jabatan Perhutanan Negeri belum lagi dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Penstrukturan ini perlu diselaraskan dengan perjawatan yang diluluskan di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia sebelum dilaksanakan di Jabatan Perhutanan Negeri. Berhubung perkhidmatan Renjer Taman, Jabatan tidak menempatkan seorang Renjer Taman Gred G17 secara langsung di setiap hutan lipur. Pihak Jabatan hanya menempatkan seorang Pengawas Hutan yang dibantu oleh Pekerja Rendah Awam yang dilantik. Selain itu, pihak Jabatan berpandangan, pengurusan kawasan rekreasi merupakan pengurusan yang komprehensif. Pengurusan yang komprehensif tidak dapat dijalankan kerana faktor kekurangan kakitangan.**

b. Promosi

Promosi memainkan peranan penting dalam usaha menjadikan hutan lipur sebagai salah satu produk pelancongan kepada Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap kaedah promosi yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Bahan Cetakan/Risalah

- Jabatan ada menyediakan risalah berkaitan hutan lipur. Risalah khusus hanya disediakan bagi hutan lipur yang mempunyai ramai pengunjung seperti Hutan Lipur Kuala Woh, Hutan Lipur Pulau Tali Kail dan Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Matang. Manakala bagi lain-lain hutan lipur, promosi melalui risalah dibuat secara bersepadu yang ditempatkan di Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri dan di Pejabat-pejabat Hutan Daerah. Pengunjung yang datang untuk berurusan di Pejabat sahaja yang mengetahui adanya risalah tersebut.
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga ada menerbitkan buku bertajuk Kompendium Hutan Lipur Dan Taman Negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2011. Buku ini bertujuan untuk memperkenalkan

kawasan hutan lipur dan taman negeri yang terdapat di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal dan mewujudkan kesedaran serta pengetahuan pengunjung terhadap kepentingan untuk mengekalkan alam semula jadi hutan yang kondusif. Semakan Audit mendapati buku ini hanya terdapat di Jabatan Perhutanan Negeri. Matlamat penyediaan buku ini tidak dapat dicapai sebagai salah satu kaedah penyebaran maklumat sekiranya ia tidak di edar dan ditempatkan di lain-lain Pejabat secara menyeluruh. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Disember 2012, Jabatan merancang untuk membuat brosur bagi setiap hutan lipur. Bagi tujuan promosi, Jabatan telah mengagihkan brosur kepada Kementerian Pelancongan Malaysia, Bahagian Eco-Park, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Pejabat Hutan Daerah yang terlibat.**

ii. Pameran Perhutanan

Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Jabatan telah memperuntukkan sejumlah RM120,000 melalui peruntukan KWPH bagi tujuan pameran perhutanan. Antara pameran yang disertai oleh Jabatan yang dapat mempromosikan hutan lipur di Negeri Perak adalah seperti Hari Perhutanan Sedunia Peringkat Negeri Perak, *Malaysia Domestic Tourism Fair*, *Matta Fair* dan *Agrofest*. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Disember 2012, promosi juga dilaksanakan melalui beberapa siri pameran dan ceramah perhutanan yang dijalankan bersama agensi-agensi Kerajaan dan Swasta. Jabatan berpandangan, bukan semua hutan lipur dapat dipromosikan melalui brosur kerana faktor kekurangan kemudahan dan lain-lain faktor.**

iii. Laman Sesawang

Promosi melalui laman sesawang dapat memperkenalkan hutan lipur ke luar negara. Maklumat yang terdapat di laman sesawang perlulah tepat dan sentiasa dikemas kini. Semakan Audit mendapati Jabatan mempromosikan semua hutan lipur yang terdapat di Negeri Perak serta maklumat yang berkaitan di laman sesawang Jabatan iaitu www.perakforestry.gov.my. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Perak (MTPNP) turut membuat promosi berkaitan hutan lipur di Negeri Perak melalui sesawang www.peraktourism.com. Semakan selanjutnya mendapati hanya hutan lipur yang popular dan mempunyai ramai pengunjung sahaja yang dipromosikan melalui laman sesawang MTPNP seperti Hutan Lipur Kuala Woh, Lata Iskandar, Lata Kekabu, Lata Kinjang dan Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Matang. Promosi melalui laman sesawang menunjukkan keberkesanan apabila hutan lipur turut menerima pengunjung daripada luar negara. Sebagai contoh HLKW menerima seramai 302 pengunjung daripada negara Eropah, Asia, ASEAN, Amerika, Australia dan Afrika bagi tempoh tahun 2011 hingga 2012. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 4**

Disember 2012, pihak Jabatan mengambil tindakan dengan berbincang bersama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Perak bagi mengemas kini promosi terhadap hutan lipur di laman sesawang agensi berkenaan.

c. Rekod Bilangan Pengunjung Tidak Realistik

- i. Pemeriksaan Audit mendapati bilangan pengunjung di rekod berdasarkan anggaran bilangan yang mengunjungi hutan lipur pada hari Sabtu, Ahad, hari kelepasan am dan pengunjung yang bermalam. Bagi hutan lipur yang kurang popular seperti HLUL dan HLSN pula, bilangan pengunjung di rekod berdasarkan anggaran pada hari Sabtu dan Ahad serta hari kelepasan am. Manakala bagi hutan lipur yang menyediakan perkhidmatan bermalam seperti chalet dan tapak perkhemahan, bilangan pengunjung di rekod berdasarkan bilangan yang menggunakan perkhidmatan tersebut seperti yang dilakukan di HLPP dan HLKW. Bagi hutan lipur yang mempunyai Unit Hutan Lipur seperti di HLKW, rekod pengunjung ada di sedia berdasarkan bilangan pengunjung yang bermalam serta pengunjung harian mengikut bilangan kenderaan yang masuk.
- ii. Bilangan pengunjung ke 4 hutan lipur bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.5** dan **Carta 2.1**. Bagaimanapun, statistik tersebut agak meragukan kerana melalui temu bual pihak Audit dengan Pegawai Pejabat Renjer Lumut dan juga semakan dokumen menunjukkan tiada maklumat mengenai pengunjung ke hutan lipur berkenaan.

Jadual 2.5

Bilangan Pengunjung Ke 4 Hutan Lipur Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012


Bil.	Hutan Lipur	Tahun		
		2010	2011	2012
1.	Kuala Woh	TM	6,025	57,743
2.	Sungai Nyior	2,599	1,135	986
3.	Pulau Pangkor	TM	TM	4,980
4.	Ulu Licin	6,790	TM	7,383

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah

Nota: TM – Tiada Maklumat

Carta 2.1

Bilangan Kedatangan Pengunjung Bagi Tahun 2010 Hingga 2012



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah

- iii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 21 Januari 2013, statistik pengunjung ke HLPP tidak dapat direkodkan oleh kakitangan Jabatan tetapi ia ada direkodkan oleh operator sementara. Rekod yang sedia ada adalah berdasarkan bilangan kakitangan Jabatan yang menghadiri kursus dan lawatan ke HLPP. Operator sementara didapati tidak mahir dengan kaedah merekodkan bilangan pengunjung dan angka yang mendadak naik pada tahun 2012 adalah apabila kakitangan Jabatan membuat bancian terhadap bilangan pengunjung.

Pada pendapat Audit, prestasi perkhidmatan pengguna adalah kurang memuaskan kerana perkhidmatan Renjer Taman tidak diwujudkan dan promosi yang tidak menyeluruh.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan hutan lipur, Jabatan Perhutanan Negeri Perak perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, Jabatan adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

- 2.5.1. Memastikan kemudahan-kemudahan di hutan lipur terpelihara, di senggara serta dibaiki dengan sempurna bagi menjamin keselamatan pengunjung.
- 2.5.2. Memastikan kemudahan dan infrastruktur asas disediakan secukupnya.
- 2.5.3. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja pembersihan hutan lipur.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI

3. PENGURUSAN PROJEK TEBATAN BANJIR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Projek Tebatan Banjir (PTB) ialah pembinaan infrastruktur penampungan, kawalan dan pengalih aliran lebih air untuk mencegah serta meminimumkan bencana banjir. Daerah Hilir Perak dan Kerian merupakan kawasan yang sering mengalami banjir dan banjir kilat akibat daripada hujan berterusan atau pun air pasang. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Perak dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia adalah Agensi pelaksana projek tersebut. Secara amnya, Daerah Hilir Perak dan Kerian mempunyai 19 kawasan sering dilanda banjir. Taburan hujan tahunan bagi Daerah Hilir Perak adalah sekitar 1,810 mm dan Daerah Kerian 2,025 mm.

3.1.2. Pada tahun 2010 hingga tahun 2012, JPS Daerah Hilir Perak telah memperuntukkan sejumlah RM1.06 juta bagi kerja-kerja PTB melalui 15 sebut harga dan 2 kontrak berjumlah RM5.63 juta. Bagi tahun 2010 hingga tahun 2011, semua kerja sebut harga telah dapat dilaksanakan dengan perbelanjaan melebihi 95% manakala satu kerja kontrak bernilai RM3.53 juta masih dalam pelaksanaan dan tarikh siap kontrak adalah pada 7 Ogos 2012.

3.1.3. Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kerian telah memperuntukkan sejumlah RM1.15 juta pada tahun 2010 hingga 2012 bagi kerja-kerja PTB melalui 9 sebut harga dan 2 kontrak berjumlah RM7.13 juta. Bagi tahun 2010 hingga tahun 2011, semua kerja sebut harga dan kontrak dapat dilaksanakan mengikut jadual dengan perbelanjaan melebihi 95%.

3.1.4. Kajian terhadap Pengurusan Projek Tebatan Banjir pernah dijalankan dan di laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2005. Dalam kajian yang lepas, 2 kawasan PTB telah dilawati dan diaudit yang terdiri daripada PTB Pekan Langkap, Hilir Perak dan Sungai Malai, Taiping. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh Jabatan. Antara kelemahan yang dilaporkan ialah kualiti kerja tidak menepati spesifikasi ditetapkan, pencapaian fizikal projek tidak memuaskan, perakuan siap kerja dikeluarkan lebih awal dari tarikh sepatutnya, pembayaran terhadap kerja yang belum disiapkan tidak mematuhi peraturan kewangan, penyeliaan projek tidak dilaksanakan dengan memuaskan dan buku harian tapak tidak di selenggara dengan lengkap dan kemas kini.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kerja-kerja PTB oleh JPS telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi PTB di bawah RMKe-10 di JPS Perak, JPS Daerah Hilir Perak dan Kerian. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen bagi projek ini. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati pada keseluruhannya perolehan kerja, prestasi kewangan dan prestasi kerja bagi kerja-kerja PTB Daerah Hilir Perak dan Kerian adalah baik kecuali 2 projek lewat disiapkan dan kualiti kerja dan penyelenggaraan adalah kurang memuaskan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

- Cerun ban curam dan terhakis.
- Ban mendap dan kurang mampat.
- Rizab sungai belum diwartakan dan di ceroboh.

3.4.1. Prestasi Kerja

3.4.1.1. Kerja Menyiapkan Projek

Pada tahun 2010 hingga 2012, JPS Daerah Hilir Perak telah melaksanakan 15 kerja PTB melalui sebut harga sementara JPS Daerah Kerian melaksanakan 9 projek. Kerja-kerja PTB yang telah dilaksanakan oleh JPS Daerah Hilir Perak dan Kerian seperti di **Jadual 3.1** dan **Jadual 3.2**.

Jadual 3.1**Kerja-Kerja Sebut Harga PTB Daerah Hilir Perak Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Bil	Nama Kerja PTB	Kos (RM)
2010	1.	Kerja Bina Semula Benteng Sg. Batang Padang Yang Runtuh Di Kampong Kunci Air 12, Mukim Degong	19,720
	2.	Kerja Bina Sistem Perparitan Ke Pintu Kawalan Pasang Surut T18-YZ Jalan Maharajalela	164,017
	3.	Kerja Mengorek Pulih Sungai Dalam Kawasan RTB Pekan Langkap	19,360
	4.	Kerja Pembinaan Perumah Struktur Kawalan Tebatan Banjir Dan Kerja Berkaitan Dalam RTB Teluk Intan	19,300
	5.	Kerja Mengorek Pulih Sg. Langkap Dalam Kawasan RTB Pekan Langkap	19,800
	6.	Kerja Pembersihan Rizab Parit Padang Tembak Berhampiran SRK Sultan Abdul Aziz Mukim Durian Sebatang	7,710
Jumlah			249,907
2011	1.	Kerja Tebatan Banjir Bersebelahan Ladang Champion Point, Jalan Maharajalela	19,981
	2.	Mengorek Pulih Sg. Tungku Dan Kerja Berkaitan Di Mukim Sg. Manik	81,900
	3.	Kerja Mencegah Banjir Dengan Membaik Pulih Benteng Sg. Batang Padang Di Kg. Mak Teh, Tg. Keramat	19,955
	4.	Kerja Tebatan Banjir Berhampiran Sg. Pak Kolek, Batu 8 Jalan Maharajalela	19,970
	5.	Kerja Menaik taraf Sistem Saliran Bandar Di Kawasan Kg. Esso Jalan Maharajalela	19,950
	6.	Kerja Mencegah Banjir Dengan Membaiki Benteng Sg. Perak Yang Runtuh Di Kg. Sri Jaya, Teluk Intan	19,980
	7.	Kerja Tebatan Banjir Sg. Batang Padang Di Kg. Changkat Petai, Mukim Labu Kubung	18,240
	8.	Kerja Tebatan Banjir Di Kg. Bt. 9 Changkat Jong	407,000
Jumlah			606,976
2012	1.	Menaik Taraf Ban di Pesisiran Sungai Bidor Mukim Sungai Sebatang	166,930

Sumber: JPS Daerah Hilir Perak

Jadual 3.2**Kerja-Kerja Sebut Harga PTB Daerah Kerian Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Bil	Nama Kerja PTB	Kos (RM)
2010	1.	Kerja Pembersihan Sungai Kerian, Parit Buntar	24,700
	2.	Kerja Pembersihan Ban Saliran Di Teluk Rubiah, Kuala Gula Kerian	89,220
	3.	Senggara Sistem Saliran Parit Tebuk Mengetil, Alor Pongsu	18,820
	4.	Meninggikan Ban Di Teluk Pulau Bagan Serai	60,348
	5.	Membekal Keperluan Peralatan Banjir	2,201
	6.	Membaiki Ban Pecah Di Kg. Pondok Tanjung, Kerian	4,624
Jumlah			199,913
2011	1.	Kerja Tebatan Banjir Di Kampung Teluk, Bagan Serai	470,723
	2.	Menaik Taraf Ban Di Kampung Teluk Medan Bagan Serai	376,775
Jumlah			847,498
2012	1.	Kerja Tebatan Banjir Di Bukit Payung, Daerah Kerian	97,954

Sumber: JPS Daerah Kerian

3.4.1.2. Semakan Audit terhadap dokumen sebut harga PTB Daerah Hilir Perak dan Kerian bagi tahun 2010 hingga 2012 mendapati 22 daripada 24 projek atau 92% siap mengikut jadual dan hanya 2 projek lewat disiapkan seperti di **Jadual 3.3**. Bagaimanapun kelewatan tersebut tidaklah ketara kerana hanya lewat 7 atau 8 hari sahaja.

Jadual 3.3

Projek Sebut Harga PTB Yang Dilaksanakan Oleh JPS Daerah Hilir Perak Dan Kerian

Bil.	Tahun	Bilangan Kerja PTB			
		JPS Hilir Perak	Lewat Siap	JPS Kerian	Lewat Siap
1.	2010	6	2	6	0
2.	2011	8	0	2	0
3.	2012	1	0	1	0
Jumlah		15	2	9	0

Sumber: JPS Daerah Hilir Perak dan Kerian

Pada pendapat Audit, prestasi kerja PTB bagi kedua-dua Daerah adalah baik.

3.4.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

3.4.2.1. Pembinaan Dan Menaik Taraf Komponen Pencegah Banjir

Pada tahun 2010 hingga 2012, JPS Daerah Hilir Perak dan Kerian telah melaksanakan 4 projek PTB melalui kontrak. Empat projek PTB adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

Projek PTB Yang Dilawati

JPS Daerah	Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)
Hilir Perak	1.	Menaik Taraf Dan Membina Ban Pencegah Banjir Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Bandar Teluk Intan.	2.10
	2.	Membina Dan Menyiapkan Pintu Kawalan Pasang Surut T19-Z Di Jajaran Perparitan Z dan Kerja Lain Yang Berkaitan.	3.53
Kerian	1.	Kerja Membina Ban Pencegah Banjir Serta Kerja Berkaitan Di Sg. Beriah.	3.63
	2.	Kerja Membina Dan Menaik taraf Ban Pencegah Banjir Fasa 2 Di Sg. Kurau, Bukit Merah.	3.50

Sumber: JPS Daerah Hilir Perak dan Kerian

3.4.2.2. Lawatan Audit pada 26 Jun 2012 di Daerah Hilir Perak dan 24 September 2012 di Daerah Kerian mendapati perkara-perkara berikut:

a. Membina Ban Pencegah Banjir Serta Kerja Berkaitan Di Sungai Beriah Daerah Kerian

Kerja PTB ini sepanjang 8 km dan lebar 3.5 m dibina bertujuan mencegah banjir di penempatan yang berhampiran akibat daripada air melimpah daripada Sungai Beriah terutama ketika hujan lebat, air pasang besar atau kedua-dua sekali. Harga kontrak adalah sejumlah RM3.63 juta manakala kos sebenar adalah RM3.47 juta. Projek ini

telah disiapkan pada 29 Ogos 2011 iaitu mengikut tempoh yang ditetapkan. Daripada RM3.47 juta, sejumlah RM2.78 juta melibatkan kerja-kerja bagi tujuan memampat ban. Kos dan jenis kerja pembinaan ban adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5

Kos Membina Ban Pencegah Banjir Di Sungai Beriah

Bil.	Perkara	Jumlah (RM Juta)
1.	Membekal Dan Memampat Tanah Merah Di Atas Ban Sedia Ada	2.45
2.	Membekal 10,000 Batang Kayu Bakau 125mm Diameter Dan Panjang 4,800mm	0.21
3.	Membekal Dan Memampatkan <i>Crusher-Run</i> Setebal 100mm	0.12
Jumlah		2.78

Sumber: JPS Daerah Kerian

i. Cerun Ban Curam Dan Terhakis

Berdasarkan kontrak, ban perlu dibina dengan kecerunan 45 darjah. Lawatan Audit pada 24 September 2012 di Ban Sungai Beriah Daerah Kerian mendapati kecerunan ban melebihi 45 darjah dan mula terhakis seperti di **Gambar 4.1**. **Berdasarkan maklum balas JPS Kerian bertarikh 31 Januari 2013, panjang keseluruhan ban adalah sepanjang 8 km dan terdapat ban di laluan masuk sepanjang 180 m dalam keadaan curam yang melebihi 45 darjah. Ini mewakili 2.3% sahaja daripada keseluruhan panjang ban di dalam projek ini. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan rizab pembinaan yang terlalu hampir dengan tanah milikan. Dengan rizab yang terhad tersebut pastinya terdapat kesan pada kecerunan ban yang dibina tetapi faktor kecerunan tidak menjejaskan fungsi utama pembinaan ban tersebut malahan kestabilan ban tidak terjejas sama sekali. Bagi kawasan cerun ban yang telah terhakis, kerja-kerja menanam rumput bagi mengelakkan hakisan sedang dijalankan.**



Gambar 3.1
Cerun Ban Mula Terhakis

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ban Sungai Beriah Daerah Kerian
Tarikh: 24 September 2012

ii. Ban Mendap

Ban di Sungai Beriah dibina untuk menghalang banjir dan juga sebagai jalan untuk kegunaan penduduk setempat. Semasa membuat reka bentuk ban, ujian tanah tidak dilakukan kerana pembinaan ban yang berhampiran dijadikan asas panduan. Lawatan Audit mendapati ban telah mendap sepanjang 60 meter. Pegawai terlibat menyatakan bahawa mungkin terdapat aliran air di bawahnya menyebabkan mendapan masih berlaku walaupun setelah 2 kali dibaiki oleh kontraktor semasa dalam tempoh kecacatan. Di samping itu, JPS Daerah Kerian juga telah 2 kali membaiki ban tersebut dengan kos sejumlah RM39,000. Ban yang mendap seperti di **Gambar 3.2** dan **Gambar 3.3**. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 November 2012 dan 31 Januari 2013, JPS Kerian telah menggunakan kaedah 'Geoform' sebagai ganti tanah dan dengan itu dapat mengurangkan beban kepada lapis bawah tanah. Kaedah ini telah dipraktikkan pada pembaikan kali pertama yang didapati berkesan dan reka bentuk ini dicadangkan oleh Bahagian Reka bentuk JPS Malaysia. Bagi membina ban tebatan banjir, penyiasatan tapak telah dijalankan di lokasi terpilih. Penyiasatan berkenaan tidak dijalankan di keseluruhan jajaran kerana ianya melibatkan kos yang tinggi dan tidak ekonomik. Bagaimanapun kawasan bermasalah merupakan kes yang terpencil dan penyelesaian serta pemulihan perlu mengikut kesesuaian di tapak.**

Gambar 3.2
Ban Mendap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ban Sungai Beriah Daerah Kerian
Tarikh: 24 September 2012

Gambar 3.3
Ban Mendap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ban Sungai Beriah Daerah Kerian
Tarikh: 24 September 2012

b. Menaik Taraf Dan Membina Ban Pencegah Banjir Dan Kerja Berkaitan Di Bandar Teluk Intan

Kerja PTB ini dibina setelah berlakunya kejadian banjir pada bulan Oktober 2010 dan Mac 2011 akibat daripada air pasang besar dari Bagan Datoh masuk melalui Sungai Perak dan Sungai Bidor menyebabkan air melintasi ban. Oleh itu, ban sedia ada perlu ditinggikan lagi. Menaik taraf ban ini bertujuan mencegah berlakunya banjir dan bukannya sebagai jalan untuk penduduk setempat. Harga kontrak menaik taraf dan

membina ban adalah sejumlah RM2.10 juta manakala kos sebenar adalah sejumlah RM2.08 juta. Daripada RM2.08 juta, sejumlah RM1.46 juta melibatkan kerja-kerja memampat ban. Projek ini lewat 4 bulan disiapkan iaitu pada 21 April 2012 berbanding tarikh siap asal pada 22 Disember 2011. Panjang ban ini adalah 7.5 km dengan lebar 3.0 m dan kecerunan tebing berdasarkan nisbah 2:1. Kos pembinaan ban adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6

Kos Membina Ban Pencegah Banjir Di Bandar Teluk Intan

Bil.	Perkara	<i>Bills Of Quantities (Item)</i>	Jumlah (RM)
1.	Menambak Bahagian Ban Rendah Menggunakan Tanah Merah Serta Memampatkannya	2002	977,510
2.	Menambak Ban Sedia Ada Menggunakan Tanah Merah Serta Memampatkannya	2005	324,796
3.	Membekal Dan Memasang 8 Unit <i>Flap Gate</i>	3004 & 3014	120,000
4.	Membekal 2,730 Cerucuk Bakau Berdiameter Antara 100-125mm Dan 4.8m Panjang Untuk Dijadikan Asas Struktur	3012	41,441
Jumlah			1,463,747

Sumber: JPS Daerah Hilir Perak

c. Pembinaan Dan Menyiapkan Pintu Kawalan Pasang Surut T19-Z Di Jajaran Perparitan Z Dan Kerja Lain Yang Berkaitan, Daerah Hilir Perak

Sebelum kerja PTB ini dibina, Pekan Baru Teluk Intan telah mempunyai sebuah kunci air bagi mengalirkan air ke Sungai Perak. Apabila Pekan ini membangun dengan pelbagai projek perumahan, kunci air yang sedia ada tidak dapat menampung kapasiti air sama ada daripada taman perumahan berhampiran atau ketika hujan lebat. Bagi mengatasi masalah yang lebih serius untuk masa akan datang, Pintu Kawalan Pasang Surut T19-Z dibina dengan kos sejumlah RM3.53 juta. Daripada RM3.53 juta, sejumlah RM2.19 juta melibatkan kerja-kerja utama pembinaan. Projek ini perlu disiapkan pada 7 Ogos 2012 iaitu selama 52 minggu daripada tarikh milik tapak pada 10 Ogos 2011. Kos utama melaksanakan projek seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7

Kos Utama Projek Pembinaan Dan Menyiapkan Pintu Kawalan Pasang Surut T19-Z

Bil.	Perkara	Jumlah (RM Juta)
1.	Cerucuk 200mm X 200mm X 12m	0.93
2.	<i>Extended Piles</i> 200mm X 200mm	0.32
3.	<i>Box Culvert</i> 3.65m X 3.0m	0.16
4.	Membekal Dan Memasang Bar Tetulang	0.28
5.	Membekal Dan Memasang 3.65m X 3.0m <i>Slide Gates For The Outlet</i> T19-Z	0.12
6.	Membekal Dan Memasang <i>Aluminium Flap Gates</i>	0.38
Jumlah		2.19

Sumber: JPS Daerah Hilir Perak

i. Projek Lewat Siap

Projek ini sepatutnya disiapkan pada 7 Ogos 2012 tetapi telah diluluskan lanjutan masa pertama sehingga 5 November 2012. Punca utama kelewatan adalah saiz cerucuk asal tiada di pasaran sejak 17 Oktober 2011. Kelulusan daripada Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja untuk penukaran saiz mengambil masa terlalu lama iaitu 10 bulan 15 hari dan harga kontrak cerucuk meningkat sejumlah RM198,133. Kronologi ketiadaan cerucuk asal berukuran 200 mm x 200 mm x 12 m sehingga kelulusan menggunakan cerucuk 250 mm x 250 mm x 12 m adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Kronologi Penukaran Saiz Cerucuk

Bil.	Tarikh	Keterangan
1.	17. 10. 2011	Surat Daripada Teras Strategi Sdn. Bhd. Kepada Jurutera Daerah Memaklumkan Ketiadaan Cerucuk 200mm X 200mm X 12m Dipasaran.
2.	3. 2. 2012	Ranhill Consulting Sdn. Berhad Setuju Dengan Perubahan Saiz Cerucuk Dengan Penukaran Kedalaman Penanaman Cerucuk Dari 27m (9m X 3m) Kepada 36m (12m X 3m).
3.	27. 2. 2012	Permohonan Jurutera Daerah Kepada Pengarah JPS Ipoh Untuk Kelulusan Perubahan Kerja Pertama.
4.	28. 5. 2012	Kelulusan Jawatankuasa APK, JPS Ipoh Dengan Perubahan Saiz Cerucuk 250mm X 250mm X 12m Dan <i>Extension Pile</i> 250mm X 250mm X 6m Serta Kuantiti Daripada 1,333 Unit Kepada 1,596 Unit Dengan Had Nilai Tambahan Harga Kontrak Sejumlah RM198,133.
5.	7. 9. 2012	Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa No. 1 Dikeluarkan Kepada Teras Strategi Sdn. Bhd.

Sumber: JPS Daerah Hilir Perak

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 31 Januari 2013, walaupun saiz cerucuk menjadi masalah di dalam pelaksanaan projek, namun ianya tidak menimbulkan kelewatan terhadap pelaksanaan projek kerana secara dasarnya langkah-langkah awalan bagi mendapatkan saiz cerucuk yang sesuai telah dibuat sebaik sahaja dikenal pasti saiz cerucuk yang dicadangkan oleh pihak Juru Perunding tiada di pasaran. Punca utama kelewatan bukan disebabkan oleh saiz cerucuk asal yang tiada di pasaran tetapi kerana keadaan tanah di tapak projek yang tersangat lembut dan ruang kerja yang terhad menyebabkan bahan-bahan binaan bagi menyiapkan kerja terpaksa dibawa sedikit demi sedikit ke tempat projek. Selain itu, projek tersebut lewat disiapkan disebabkan oleh keadaan cuaca di mana hujan lebat yang berlaku di sepanjang tempoh projek bermula menyebabkan kawasan tapak sentiasa dipenuhi air dan kontraktor terpaksa menggunakan pam bagi mengeringkan tapak projek.**

Pada pendapat Audit, kualiti kerja PTB adalah kurang memuaskan kerana terdapat kecacatan seperti tebing ban curam dan terhakis, ban kurang mampat serta mendap.

3.4.3. Penyenggaraan Kurang Memuaskan

3.4.3.1. Saluran Air Tidak Disenggarakan

- a. Prosedur piawaian teknikal dalam gerakan operasi menghadapi bencana banjir yang dikeluarkan oleh JPS Negeri Perak pada Januari 2011 menetapkan laluan air seperti pembentung dapat menyalurkan air dengan baik dan tidak tersekat. Lawatan Audit pada 26 Jun 2012 ke lokasi Ban Tebing Sungai Bidor, Teluk Intan mendapati saluran air dan parit menuju ke *flap gate* tersekat walaupun penyenggaraan 2 kali setahun telah dibuat. Laluan air tersekat adalah seperti di **Gambar 3.4** dan **Gambar 3.5** berikut:

Gambar 3.4
Saluran Air Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ban Tebing Sungai Bidor, Teluk Intan
Tarikh: 26 Jun 2012

Gambar 3.5
Saluran Parit Dipenuhi Sampah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ban Tebing Sungai Bidor, Teluk Intan
Tarikh: 26 Jun 2012

- b. **Berdasarkan maklum balas JPS Hilir Perak bertarikh 21 November 2012, penyenggaraan telah dibuat oleh pekerja Jabatan tetapi pembuangan sampah oleh penduduk setempat yang tidak bertanggungjawab tetap berlaku setiap hari. Jabatan telah mengeluarkan notis, mengadakan kempen kepada penduduk setempat dan pemasangan papan tanda dilarang membuang sampah ke dalam parit dan sungai.**

3.4.3.2. Rizab Sungai

- a. Rizab Sungai adalah suatu jalur tanah bersebelahan kedua-dua tebing sungai yang diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri menyatakan mana-mana tanah negeri sebagai tanah simpanan. Rizab sungai penting bagi memastikan sungai dapat berfungsi dengan sepatutnya. Ia bertindak sebagai penampan di antara sungai dan tanah yang bersebelahan dengannya bagi melindungi sungai dari aktiviti yang menjejaskan fungsi sungai tersebut. Sekiranya ada aktiviti yang tidak terkawal, fungsi semula jadi sungai sebagai laluan membawa air dan sedimen boleh

menyebabkan lebih kerap berlaku banjir di persekitarannya. Lebar Rizab Sungai ditentukan melalui lebar laluan air antara tebing seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Penentuan Rizab Sungai

Lebar Laluan Air Antara Tebing (Meter)	Keperluan Lebar Rizab Sungai Dari Kedua Belah Tebing (Meter)
> 40	50
20 - 40	40
10 - 20	20
5 - 10	10
< 5	5

Sumber: Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai, JPS

- b. Oleh itu, JPS bertanggungjawab mengemukakan pelan Rizab Sungai kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk diwartakan supaya mempunyai hak pengawalan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Rizab Sungai Dalam Proses Pewartaan

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bil. 1616 bertarikh 24 Mac 2010 telah meluluskan cadangan mewartakan rizab sungai di Negeri Perak di bawah Seksyen 13(1)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965. Pada 22 Disember 2011, JPS telah mengemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) senarai sungai-sungai di Negeri Perak untuk tujuan pewartaan rizab sungai selebar antara 5 hingga 50 meter mengikut kehendak Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Bagaimanapun sehingga bulan September 2012, tiada bukti dokumen pewartaan dikeluarkan oleh PTG. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 31 Januari 2013, di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965, JPS Negeri Perak dalam proses mewartakan 3 sungai iaitu Sungai Bidor, Sungai Hangai dan Sungai Kinta. Proses pewartaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat bagi sungai-sungai yang lain.**

ii. Rizab Sungai Di Ceroboh

Lawatan ke Projek Menaik Taraf Dan Membina Ban Pencegahan Banjir di Bandar Teluk Intan dan Projek Menaik Taraf Ban di Kampong Teluk Medan Bagan Serai mendapati Rizab Sungai telah di ceroboh seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 21 November 2012 dan 22 November 2012, JPS Hilir Perak Dan Kerian telah melaporkan kepada pihak berkuasa iaitu Pejabat Tanah dan Daerah untuk tindakan selanjutnya bagi menghalang pencerobohan di tebing sungai.**

Gambar 3.6
Pagar Dibina Atas Ban



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasir Berdamar, Teluk Intan
Tarikh: 26 Jun 2012

Gambar 3.7
Rumah Terlalu Hampir Dengan Ban



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ban Kg. Teluk Medan, Bagan Serai
Tarikh: 24 September 2012

Pada pendapat Audit, JPS perlu meningkatkan kekerapan penyenggaraan terhadap saluran air. Selain itu, pewartaan rizab sungai perlu dibuat secara berterusan bagi mengelak pencerobohan dan kepentingannya sebagai zon penampungan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Projek Tebatan Banjir dibina dan diuruskan dengan cekap agar dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat, adalah disyorkan supaya JPS Perak mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Melaksanakan kajian tanah di jajaran ban yang akan dibina supaya reka bentuk yang sesuai dapat dibuat di kawasan yang mempunyai masalah mendapan.

3.5.2. Membuat pemeriksaan berkala terhadap ban-ban yang telah dibina bagi memastikan ban dalam keadaan mampat dan utuh.

3.5.3. Menyegerakan pewartaan rizab sungai.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

4. PERAK INDUSTRIAL RESOURCES SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Perak Industrial Resources Sdn. Bhd (Syarikat) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 4 Disember 1997 di bawah Akta Syarikat 1965. Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pelaburan induk dan pembangunan hartanah di samping mengurus dan memantau pergerakan syarikat subsidiari dari segi pengurusan kewangan dan pelaksanaan operasi projek. Sehingga 31 Disember 2011, Syarikat beroperasi dengan modal saham dibenarkan RM25 juta dan modal saham berbayar RM2.

4.1.2. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M&A) dan Akta Syarikat 1965. Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat adalah terdiri daripada wakil kerajaan. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab menguruskan aktiviti harian syarikat serta melaporkan hal ehwal pengurusan syarikat kepada Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh seorang Pengurus Kewangan Kumpulan dan seorang Eksekutif Akaun.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya. Pengurusan aktiviti pula dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan dan Tadbir Urus Korporat dilaksanakan dengan berkesan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat dengan tumpuan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis nisbah dan trend dilakukan berdasarkan kepada penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai-pegawai Syarikat yang terlibat serta lawatan ke tapak projek yang dipilih.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat kurang memuaskan kerana sehingga 31 Disember 2011 kerugian terkumpul Syarikat adalah sejumlah RM2.42 juta meningkat berbanding RM2.07 juta pada tahun 2010. Syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.35 juta pada tahun 2011 berbanding keuntungan bersih RM0.10 juta pada tahun 2010 dan RM0.11 juta pada tahun 2009. Pengurusan aktiviti utama Syarikat yang meliputi aktiviti mengurus syarikat subsidiari adalah kurang memuaskan kerana hasil pendapatan yang diperoleh masih tidak mampu menampung kos operasi Syarikat yang tinggi. Tadbir Urus Korporat Syarikat secara keseluruhan adalah kurang memuaskan kerana polisi dan peraturan kewangan dan perakaunan Syarikat tidak disediakan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Syarikat subsidiari mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berjumlah RM8.59 juta.
- Yuran pengurusan syarikat subsidiari tidak diterima secara tetap.
- Pencerobohan setingan ke atas Lot-lot tanah di estet perindustrian.
- *Standard Operating Procedure* belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Pengurusan aset kurang memuaskan.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit mendapati keuntungan bersih Syarikat menurun daripada RM0.11 juta pada tahun 2009 kepada RM0.10 juta pada tahun 2010 dan kerugian bersih sejumlah RM0.35 juta pada tahun 2011.
- b. Pendapatan utama Syarikat adalah daripada bayaran pengurusan syarikat subsidiari manakala pendapatan lain adalah daripada royalti kayu balak, dividen dan sewa. Jumlah pendapatan Syarikat pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM0.25 juta iaitu 28.1% kepada RM1.14 juta daripada RM0.89 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2011, jumlah pendapatannya menurun sejumlah RM0.06 juta iaitu 5.3% daripada RM1.14 juta pada tahun 2010 kepada RM1.08 juta. Semakan Audit mendapati penurunan jumlah pendapatan ini adalah disebabkan dividen tidak diterima pada tahun 2011 berbanding sejumlah RM0.08 juta yang diterima pada tahun 2010.


- c. Jumlah perbelanjaan Syarikat pada tahun 2011 meningkat kepada RM1.43 juta berbanding RM1.03 juta pada tahun 2010.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan atau kerugian bersih Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian Syarikat Bagi
Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan	0.41	0.24	0.29
Perbelanjaan Operasi	0.19	0.16	0.17
Untung Kasar	0.22	0.08	0.12
Pendapatan Lain	0.48	0.90	0.79
Jumlah Pendapatan	0.70	0.98	0.91
Perbelanjaan Pentadbiran	0.59	0.87	1.26
Untung/Rugi Operasi	0.11	0.11	-0.35
Kos Kewangan	-	-	-
Pendapatan Pelaburan	-	-	-
Untung/Rugi Sebelum Cukai	0.11	0.11	-0.35
Cukai	-	0.01	-
Untung/Rugi Selepas Cukai	0.11	0.10	-0.35
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	1.62	-2.07	-2.42


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 4.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum
Cukai Dan Keuntungan/Kerugian Terkumpul
Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat Bagi
Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan

Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.17:1	0.18:1	0.22:1
Margin Untung/(Rugi) Bersih (%)	16	11	-38
Pulangan Ke Atas Aset	0.004:1	0.003:1	-0.006:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.07:1	0.08:1	-0.26:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan Syarikat iaitu sejauh mana Syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 0.17:1 pada tahun 2009, 0.18:1 pada tahun 2010 dan meningkat kepada 0.22:1 pada tahun 2011. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat tidak mempunyai kecairan tunai yang mencukupi dan tidak berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan bagi tahun 2009, Syarikat telah memperoleh keuntungan sejumlah RM0.16 bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan. Pada tahun 2010 Syarikat memperoleh keuntungan sejumlah RM0.11 bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan. Manakala pada tahun 2011 Syarikat mengalami kerugian sejumlah RM0.38 bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan. Ini menunjukkan Syarikat tidak berkeupayaan untuk meningkatkan keuntungan sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Pulangan Atas Aset Syarikat adalah 0.004:1 pada tahun 2009, 0.003:1 pada tahun 2010 dan pada tahun 2011 adalah negatif iaitu 0.006:1. Ini

menunjukkan Syarikat masih belum mampu menjana keuntungan menggunakan asetnya.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Pulangan Atas Ekuiti adalah 0.07:1 pada tahun 2009, 0.08:1 pada tahun 2010 dan negatif 0.26:1 pada tahun 2011. Ini menunjukkan Syarikat tidak berkemampuan memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah tidak memuaskan kerana Syarikat menghadapi masalah kecairan aliran tunai dan penurunan pendapatan pada tahun 2011 berbanding pada tahun 2010. Sehingga 31 Disember 2011 kerugian terkumpul Syarikat adalah berjumlah RM2.42 juta. Secara keseluruhannya, Syarikat masih belum mampu mendapatkan pulangan ke atas pelaburannya. Ini adalah berdasarkan peratusan pulangan ke atas aset dan ekuiti yang negatif bagi tahun 2011 yang mana Syarikat tidak berupaya menampung keseluruhan tanggungannya dengan jumlah aset yang ada.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

4.4.2.1. Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan Syarikat dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Aktiviti utama Syarikat adalah pengurusan pemantauan 9 syarikat subsidiari dan pelaburan. Semakan Audit mendapati daripada 9 syarikat subsidiari, 5 sahaja yang aktif manakala 4 lagi tidak aktif seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Butiran Aktiviti Syarikat Subsidiari

Bil.	Nama Syarikat	Aktiviti	Ekuiti (%)	Tahun Ditubuhkan	Catatan
1.	Majukayu Sdn. Bhd.	Perusahaan Perkilangan Kayu, Pembalakan, Belian Dan Jualan Balak Serta Perniagaan Loji Memasak Kayu	100	22.5.1975	Aktif
2.	Perak ITC Sdn. Bhd.	Pengurusan Hutan	85	12.12.1998	Aktif
3.	Perak Teamwork Sdn. Bhd.	Penjualan, Pemaju Tanah Industri Dan Pengurusan Projek	60	21.11.1990	Aktif
4.	Pengurusan Murni Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Pengurusan Dan Penyewaan Bangunan	100	14.2.1992	Aktif
5.	PIRSB Industrial Development Sdn. Bhd.	Menjalankan Urus Niaga Jual Beli Hartanah Dan Sewa Bangunan	100	7.10.2008	Aktif

Bil.	Nama Syarikat	Aktiviti	Ekuiti (%)	Tahun Ditubuhkan	Catatan
6.	PIRB Mineral Sdn. Bhd.	Penjualan Tanah Liat	100	8.8.2001	Tidak Aktif
7.	NationTalent Sdn. Bhd.	Pemprosesan Kayu Balak	100	9.1.2001	Tidak Aktif
8.	Vector Equity Sdn. Bhd.	Urus Niaga Jual Beli Hartanah	100	10.2.2000	Tidak Aktif
9.	PIRSB Bio Tech Corporation Sdn. Bhd.	Menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Bioteknologi.	100	31.7.2000	Tidak Aktif

Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.2. Hasil analisis keuntungan/(kerugian) terkumpul bagi tahun 2009 hingga 2011 menunjukkan hanya 3 syarikat subsidiari yang memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM6.81 juta manakala 6 lagi mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM15.40 juta pada tahun 2011. Secara keseluruhannya sehingga tahun berakhir 31 Disember 2011, syarikat subsidiari mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM8.59 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4

Keuntungan/(Kerugian) Tercumpul Syarikat Subsidiari Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Nama Subsidiari	Tahun		
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
1.	Majukayu Sdn. Bhd.	-2.36	-5.33	-5.58
2.	Perak ITC Sdn. Bhd.	-0.68	-5.91	-7.45
3.	Perak Teamwork Sdn. Bhd.	2.80	2.88	1.87
4.	Pengurusan Murni Sdn. Bhd.	0.45	0.37	0.47
5.	PIRSB Industrial Development Sdn. Bhd.	6.57	4.19	4.47
6.	PIRB Mineral Sdn. Bhd.	-0.14	-0.18	-0.18
7.	Nation Talent Sdn. Bhd.	-1.55	-1.75	-1.92
8.	Vector Equity Sdn. Bhd.	-0.03	-0.03	-0.03
9.	PIRSB Bio Tech Corporation Sdn. Bhd.	-0.22	-0.24	-0.24
Jumlah Keuntungan/KerugianTercumpul		4.84	-6.00	-8.59

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

4.4.3. Pengurusan Pemantauan Syarikat Subsidiari PIRSB

Syarikat memantau aktiviti subsidiarinya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan bagi memastikan kelancaran perjalanan aktiviti syarikat. Syarikat subsidiari akan membentangkan laporan di Mesyuarat tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Syarikat tidak menetapkan kekerapan dan jadual mesyuarat. Oleh itu, kekerapan pemantauan tidak dapat dipastikan. Antara kelemahannya adalah seperti berikut:

4.4.3.1. Yuran Bulanan Pengurusan Syarikat Subsidiari Tidak Diterima Secara Tetap

- a. Syarikat mengenakan yuran pengurusan terhadap syarikat subsidiari yang aktif sejumlah RM5,000 sebulan mulai pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati

Syarikat telah mengenakan yuran terhadap 5 subsidiari iaitu Majukayu Sdn. Bhd., Perak ITC Sdn. Bhd., Perak Teamwork Sdn. Bhd., Pengurusan Murni Sdn. Bhd. dan PIRSB Industrial Development Sdn. Bhd. Semakan selanjutnya mendapati yuran ini tidak diperoleh secara tetap setiap bulan. Pada tahun 2010 dan 2011, Syarikat mempunyai tunggakan yuran masing-masing berjumlah RM184,000 dan RM199,000. Ini menyebabkan tunggakan terkumpul sehingga Disember 2011 berjumlah RM383,000. Butiran penerimaan yuran pengurusan daripada syarikat subsidiari bagi tempoh Januari 2009 hingga Disember 2011 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5

Tunggakan Yuran Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2010 dan 2011

Bil.	Bulan	Patut Terima (RM)	Diterima (RM)		Kontra (RM)		Tunggakan (RM)	
			2010	2011	2010	2011	2010	2011
1.	Januari	25,000	-	5,000	-	-	25,000	20,000
2.	Februari	25,000	-	15,000	-	-	50,000	30,000
3.	Mac	25,000	-	-	-	-	75,000	55,000
4.	April	25,000	-	5,000	-	-	100,000	75,000
5.	Mei	25,000	-	5,000	-	-	125,000	95,000
6.	Jun	25,000	-	5,000	-	-	150,000	115,000
7.	Julai	25,000	30,000	5,000	-	-	145,000	135,000
8.	Ogos	25,000	15,000	5,000	-	-	155,000	155,000
9.	September	25,000	5,000	5,000	-	-	175,000	175,000
10.	Oktober	25,000	10,000	5,000	-	-	190,000	195,000
11.	November	25,000	5,000	5,000	-	-	210,000	215,000
12.	Disember	25,000	15,000	5,000	36,000	36,000	184,000	199,000
Jumlah		300,000	80,000	65,000	36,000	36,000	383,000	

Sumber: Rekod Kewangan Syarikat

- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 November 2012, kerugian tahun 2011 adalah disebabkan oleh pelaksanaan Standard Perakaunan FRS 139 yang mengambil kira rosot nilai hak teknologi di dalam Jasper Electronic Inc. USA. Syarikat PIRSB sedang dalam usaha memperkemas kaedah pungutan yuran pengurusan dan dividen daripada anak-anak syarikat. Sebelum ini, Syarikat berpendapat tumpuan utama syarikat-syarikat anak yang mencatat keuntungan adalah melaksanakan bayaran balik hutang kepada PKNP dan lebihan keuntungan tunai dilabur semula dalam projek-projek berpotensi untuk pengembangan kumpulan PIRSB.**

Pada pendapat Audit, Syarikat perlu mengambil langkah bagi mempertingkatkan lagi pemantauan ke atas aktiviti syarikat subsidiari bagi membolehkan yuran pengurusan dapat dikutip secara konsisten bagi mengelakkan tunggakan hasil yang besar dan boleh menjejaskan pendapatan Syarikat.

4.4.3.2. Pencerobohan Setingan Ke Atas Lot-lot Tanah Di Estet Perindustrian Chenderiang

- a. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak telah diluluskan tanah seluas 228.78 hektar melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) Bil. 1510 pada 6 Disember 2006. Sebahagian besar tanah ini dengan keluasan 226.43 hektar yang terletak di Mukim Chenderiang, Daerah Batang Padang kemudiannya telah dipindah milik kepada Syarikat melalui surat kelulusan Bil.(22) dlm PTG.Pk 251/3-1435 (D) IKS pada 15 Januari 2007 untuk dijadikan tapak perindustrian bersepadu. Sebahagian tanah tersebut dengan keluasan bersih 159.96 hektar diuruskan oleh PIRSB Industrial Development Sdn. Bhd. (PIDSB) telah di pecah sempadan kepada 11 Lot industri dan telah dijual kepada 5 pelabur. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Senarai Syarikat Yang Membeli Lot Tanah Perindustrian

Bil.	Nama Syarikat Pembeli	Jenis Produk Pengeluaran	Keluasan/ Tarikh Belian	Harga (RM)	Status Bayaran %
1.	Cempaka Duta Sdn. Bhd.	Compose Erosion Control	11.61 hektar/ 29.2.2008	312,434	100
2.	Tasik Mahir Sdn. Bhd.	Produk Hasil Kaolin	7.80 hektar/ 17.3.2008	209,850	100
3.	Osaka Corporation Sdn. Bhd.	Baja Organik	15.89 hektar/ 26.5.2009	447,470	100
4.	Cosmic Sabre Paper Industries Sdn. Bhd.	Kertas Daripada Pelepah Kelapa Sawit	91.22 hektar/ 29.2.2008	2,454,714	59
5.	Ecohub Technologies Sdn. Bhd.	Pembersihan dan Produk Amang	10.28 hektar/ 8.5.2007	276,714	100

Sumber: Rekod Syarikat

- b. Semakan Audit mendapati pindah milik tanah masih belum dibuat ke atas syarikat pembeli walaupun bayaran telah dijelaskan sepenuhnya kecuali Syarikat Cosmic Sabre Paper Industries Sdn. Bhd.. Pihak Audit telah dimaklumkan pindah milik belum dibuat kerana proses pecah sempadan masih dalam tindakan Bahagian Hartanah Syarikat. Semakan selanjutnya mendapati kelima-lima syarikat yang membeli tanah-tanah lot berkenaan masih belum memulakan operasi perindustrian masing-masing. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 November 2012, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 22 Oktober telah memutuskan melantik syarikat PMG Construction and Engineering Sdn. Bhd. untuk membangunkan Estet Perindustrian ini dan bekerjasama dengan Naza Group of Companies.**
- c. Pengurusan PIRSB juga gagal membuat pemantauan secara berkesan terhadap aktiviti syarikat subsidiari iaitu PIDSB yang menguruskan aktiviti ini. Akibat daripada kelemahan pemantauan ini sebahagian daripada tanah-tanah lot industri telah dicerobohi oleh setingan secara haram. Pencerobohan di atas tapak industri tersebut melibatkan aktiviti penternakan ikan air tawar, tanaman kelapa sawit dan ternakan lembu. Lawatan Audit pada 30 Julai 2012 mendapati tiada sebarang

tindakan diambil oleh pihak pengurusan Syarikat bagi menangani kegiatan ini. Isu ini telah pun dibangkitkan oleh salah sebuah syarikat pembeli pada 18 September 2007. Aktiviti pencerobohan tersebut seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.5**. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 30 November 2012, kesemua mereka telah bertapak di kawasan ini sejak 30 tahun dahulu. Syarikat bersama Pejabat Tanah Daerah Tapah telah menjalankan bancian dan akan menempatkan mereka di kawasan rizab sungai di Estet Perindustrian Chenderiang. Bagaimanapun pembangunan Estet ini dijangka akan bermula pada suku pertama tahun 2013.**

Gambar 4.1
Ternakan Ikan Oleh Setinggaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Estet Perindustrian Chenderiang, Tapah
Tarikh: 30 Julai 2012

Gambar 4.2
Tanaman Kontan Oleh Setinggaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Estet Perindustrian Chenderiang, Tapah
Tarikh: 30 Julai 2012

Gambar 4.3
Tanaman Sayur Oleh Setinggaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Estet Perindustrian Chenderiang, Tapah
Tarikh: 30 Julai 2012

Gambar 4.4
Tanaman Kelapa Sawit Oleh Setinggaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Estet Perindustrian Chenderiang, Tapah
Tarikh: 30 Julai 2012



Gambar 4.5
Ternakan Ikan Dalam Kolam
Buatan Sendiri

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Estet Perindustrian Chenderiang, Tapah
Tarikh: 30 Julai 2012

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah kurang memuaskan kerana tunggakan yuran pengurusan meningkat, proses pindah milik tanah lewat dilaksanakan dan isu pencerobohan tanah yang belum selesai.

4.4.4. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah penting sebagai peraturan dan amalan yang berkesan bagi menyumbang kepada daya tarikan negara untuk pelaburan dalaman dan perkembangan perniagaan serta meningkatkan integriti syarikat. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

4.4.4.1. *Standard Operating Procedure*

Standard Operating Procedure (SOP) merupakan sebuah dokumen rujukan penting bagi sesebuah syarikat. *SOP* mengandungi fungsi, prosedur dan proses kerja yang jelas kepada setiap Bahagian serta pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Semakan Audit mendapati Syarikat telah menyediakan *SOP* Pentadbiran dan Kewangan bermula 4 Disember 2009. Semakan selanjutnya mendapati *SOP* Syarikat secara keseluruhannya belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 November 2012, pengurusan Syarikat akan mengkaji semula *SOP* yang sedia ada dan membuat penambahbaikan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Cadangan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 23 Oktober 2012 dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Audit Pengurusan Syarikat.**

4.4.4.2. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) menggariskan peranan, tanggungjawab serta keahlian Lembaga Pengarah untuk memastikan setiap Ahli Lembaga Pengarah mempunyai kepakaran dan pengalaman sesuai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai dokumen bertulis tentang peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Berdasarkan maklum balas bertarikh 29 Januari 2013, Syarikat telah menyediakan senarai bertulis, peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah.

4.4.4.3. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Seksyen 142, Akta Syarikat 1965, Mesyuarat Lembaga Pengarah harus diadakan sekali dalam tempoh di antara tidak kurang dari satu bulan dan tidak melebihi dari 3 bulan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 dan 2011, Lembaga Pengarah Syarikat bermesyuarat masing-masing sebanyak 4 dan 2 kali. Sehingga Julai 2012, Lembaga Pengarah baru sekali mengadakan mesyuarat.

4.4.4.4. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi Syarikat. Objektif UAD adalah untuk membantu Syarikat mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai UAD. Adalah diperhatikan UAD PKNP ada menjalankan 1 kali pengauditan dalam tahun 2010 terhadap anak syarikat PIRSB iaitu Perak Teamwork Sdn. Bhd. dan penemuan audit dibentangkan di Jawatankuasa Audit Pengurusan Syarikat. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 November 2012, buat masa ini fungsi UAD dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam PKNP.**

4.4.4.5. Pembayaran Dividen Dan Bonus

Dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun hendaklah dibayar kepada Kerajaan selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak membuat sebarang pembayaran dividen kepada pemegang saham. Bagaimanapun, Syarikat ada membuat pembayaran bonus tahunan kepada 6 orang pegawai dan kakitangan Syarikat berjumlah RM16,106 pada tahun 2010 dan RM9,750 pada tahun 2011. Pembayaran tersebut telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Syarikat.

4.4.4.6. Pengurusan Aset

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset-aset Syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengurusan aset merangkumi perolehan, penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyenggaraan dan pelupusan. Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 menunjukkan Syarikat mempunyai aset tetap bernilai RM146,602 yang terdiri daripada kenderaan, komputer, peti sejuk, peralatan pejabat dan lain-lain. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan daftar aset dan daftar pergerakan aset.

Selain itu, aset Syarikat tidak dilabelkan dan ini menyebabkan semakan fizikal sukar dijalankan. Semakan selanjutnya mendapati, aset yang disenaraikan di penyata kewangan tiada dalam simpanan Syarikat. Senarai aset yang tidak dapat dikesan adalah seperti di **Jadual 4.7. Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 November 2012, Syarikat telah mengambil maklum perkara ini. Syor Audit berkenaan label dan pelupusan akan dilaksanakan dengan kadar yang segera.**

Jadual 4.7

Senarai Aset Yang Tidak Dapat Disahkan Secara Fizikal

Bil.	Senarai Aset	Unit	Harga Belian (RM)	Tarikh Perolehan
1.	Notebook Jenama TAGA	1	4,800	16.3.2003
2.	Telefon Bimbit Jenama ELBA	1	1,700	30.11.2003
3.	Peti Sejuk Jenama TAGA	1	660	16.3.2003
4.	Notebook V3631TU	1	3,400	4.10.2007

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat Syarikat kurang memuaskan kerana *Standard Operating Procedure* Syarikat belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dokumen bertulis mengenai peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah tidak disediakan. Selain itu, rekod aset Syarikat tidak lengkap dan kemas kini.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan Syarikat tercapai dan menjaga kepentingan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) sebagai pemegang saham, syor-syor berikut perlu dipertimbangkan oleh Syarikat Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.:

4.5.1. Menilai dan mengkaji kedudukan Syarikat Subsidiari terutama yang tidak aktif kerana tidak berupaya membayar yuran pengurusan Syarikat.

4.5.2. Memastikan SOP Syarikat diluluskan oleh Lembaga Pengarah.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

28 Februari 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my